

Anwar kecam serangan udara baharu Israel ke atas Damsyik

BERITA HARIAN 1.8 JUL 2025 m/s: 3

Tindakan cabuli kedaulatan Syria, undang-undang antarabangsa

Oleh Saadiyah Ismail

Saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengecam serangan udara terbaharu Israel ke atas Damsyik yang disifatkan sekali lagi mencabuli kedaulatan Syria hingga mengorbankan nyawa orang awam yang tidak bersalah.

“Serangan ini adalah pelanggaran nyata terhadap undang-undang antarabangsa serta Perjanjian Pemisahan 1974 di antara Israel dan Syria.

“Syria melalui penderitaan yang amat dahsyat sepanjang dekad lalu. Rakyatnya berhak menikmati keamanan dan bukan ke-

ganasan berterusan atau campur tangan asing.

“Justeru, Malaysia berdiri teguh bersama rakyat Syria dan menggesa pencabulan seperti ini dihentikan serta-merta, di samping memperbaharui komitmen terhadap prinsip kemanusiaan dan kedaulatan undang-undang,” katanya menerusi hantaran di laman sosialnya, semalam.

Serangan berskala besar

Terdahulu, media melaporkan Israel melancarkan serangan udara besar-besaran di ibu kota Syria, Damsyik dan memusnahkan sebahagian bangunan Kementerian Pertahanan dan menyerang kawasan berhampiran Istana Presiden, selepas tentera kerajaan menyerang kaum Druze di selatan Syria.

Serangan oleh Israel semakin ketara kebelakangan ini ketika Syria di bawah pentadbiran sementara pimpinan Presiden Ahmed al-Sharaa, meskipun hubungan negara itu dengan Amerika Syarikat (AS) semakin rapat.



Sebahagian bangunan Kementerian Pertahanan Syria musnah akibat serangan Israel di Damsyik, kelmarin.

(Foto REUTERS)